

Legasi pendidikan tinggi Tun Arshad merentasi UiTM

● Tun Arshad Ayub
digelar Bapa
Pembangunan UiTM

● Allahyarham pendukung,
pelopor ilmu seni liberal
dan kemanusiaan

● Komitmen Arshad memperkasa
UiTM tingkat potensi pelajar
Melayu, Bumiputera

BH - 15/6/2022 n/s: 12

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Negara kehilangan seorang lagi tokoh pendidikan yang banyak berjasa memperkasakan sistem pengajian tinggi, terutama dalam membangunkan Institut Teknologi MARA (ITM) yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Allahyarham Tun Arshad Ayub yang meninggal dunia semalam, dikenali sebagai arkitek penubuhan ITM, tokoh pendidikan yang tidak jemu mencurahkan bakti kepada

negara, dengan keazaman, ketekunan dan disiplin tinggi.

Meninggal dunia pada usia 93 tahun, Allahyarham adalah pengarah pertama ITM di Shah Alam dari 1967 hingga 1975 dan memainkan peranan besar dalam membangunkan universiti awam bagi kaum Melayu dan Bumiputera.

Anak kelahiran Parit Keroma, Muar ini mendapat diploma dalam bidang pertanian daripada Kolej Pertanian, Serdang pada 1954. Allahyarham dianugerahkan biasiswa Kolonial dan Pembangunan pada 1953 untuk belajar di Kolej Universiti Wales Aberystwyth, United Kingdom (UK) dan menamatkan pengajian dengan Ijazah Kepujian dalam Ekonomi dan Statistik pada 1958.

Pada 1964, Allahyarham memperoleh Diploma Pentadbiran Perniagaan daripada Institut Pembangunan Pengurusan di Lausanne, Switzerland.

Pembabitan Allahyarham dalam bidang pendidikan bermula pada 1965 sebagai Pengetua Kolej Perniagaan dan Pengajian Profesional MARA. Pada 1967, Maktab MARA dinaik taraf kepada ITM.

Allahyarham juga pernah menyumbang khidmat sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara dari Mac 1975 hingga 1977 dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Pro-Canselor UiTM.

Tun Arshad meletakkan asas kepada ITM dan mengetuai salah satu inisiatif pendidikan paling berjaya di negara ini dengan visinya untuk menyediakan peluang kepada pelajar, berjaya melahirkan kumpulan profesional Melayu yang kini menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

ITM memberi peluang kepada pelajar Melayu dan Bumiputera yang tidak memperoleh keputusan baik

atau cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), menyebabkan mereka tidak diterima memasuki universiti.

Pilihan kursus pengajian profesional luas, tidak terdapat di universiti lain pada ketika itu, bukan saja menarik minat golongan berkenaan, malah pelajar mempunyai kelulusan baik juga memilih UiTM untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Allahyarham turut berpengalaman membangunkan kerjasama strategik bersama universiti luar negara dan badan pembiayaan di UK, Amerika Syarikat (AS), Kanada, Australia dan New Zealand.

Kursus perakaunan, seni bina, pentadbiran perniagaan dan pengurusan, kejuruteraan, catering dan pengurusan hotel, sains maklumat dan komunikasi massa adalah antara kursus awal ditawarkan di Malaysia menerusi ITM

Demikian juga lulusan diploma bagi sesetengah jurusan kemudian diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), setaraf ijazah khususnya bagi kursus memerlukan kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan (STP).

Pada 1965, jumlah pelajar di ITM hanya seramai 219 orang, dengan 11 pensyarah. Pada 1975, ketika Allahyarham meninggalkan institusi itu, jumlah pelajar mencapai 6,856 orang dan 904 pensyarah, berkhidmat dalam 60 program di 13 sekolah serta kampus cawangan di Kota Kinabalu, Kuching, Arau dan Dungun.

Hari ini, UiTM adalah institusi pengajian tinggi terbesar negara dari segi saiz dan populasi dengan 35 kampus, 508 program dan lebih 750,000 graduan.

Sepanjang hayatnya, Tun Arshad menabur bakti di UiTM seterusnya dilantik sebagai Pro-Canselor setelah bersara daripada perkhidmatan awam selepas berkhidmat selama 32 tahun.

Usaha Allahyarham meletakkan asas kukuh meningkatkan taraf dan kedudukan UiTM hingga diiktiraf sebagai antara universiti ulung di negara

ini, menyediakan banyak peluang kepada pelajar Melayu dan Bumiputera dari Sabah dan Sarawak untuk mendapat kelulusan pada peringkat pendidikan tinggi.

Mengenal jasa Allahyarham yang tidak ternilai kepada UiTM, institusi itu menamakan sebuah sekolah perniagaan sempena namanya iaitu Sekolah Perniagaan Siswazah Arshad Ayub di UiTM Shah Alam.

Allahyarham sangat komited dan berdedikasi menjadikan UiTM maju berkembang menjadi gedung modal insan peribumi ulung di negara ini. Impak ditinggalkannya sebagai tokoh pendidikan tinggi negara membuatkan Allahyarham digelar Bapa Pembangunan UiTM.

Allahyarham juga pendukung dan pelopor ilmu seni liberal serta kemanusiaan dalam pendidikan tinggi Malaysia. Beliau antara tokoh pendidikan memperkenalkan bahasa Russia, Perancis dan Arab untuk dipelajari di negara ini.

Mandarin diwajibkan bagi kursus perniagaan dan bahasa Tamil bagi pengurusan perladangan. Kemudian diperkenalkan pula ilmu logik, sastera dan sejarah.

Walaupun sudah lama bersara, Allahyarham terus menyumbang dalam memberikan pandangan bagi menambah baik sistem pendidikan negara.

Antaranya, Allahyarham pernah menyentuh mengenai kualiti profesor di negara ini dan mencadangkan tenaga profesional mengajar secara sambilan di universiti tempatan supaya dapat menyumbang kepakaran serta pengalaman diperoleh daripada industri.

Dalam perkhidmatan awam, Tun Arshad pernah memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, selain pernah bertugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Wartawan BH

“Allahyarham Tun Arshad Ayub yang meninggal dunia semalam, dikenali sebagai arkitek penubuhan ITM, tokoh pendidikan tidak jemu mencurahkan bakti kepada negara, dengan keazaman, ketekunan dan disiplin tinggi”

